

15/01/2005

Mahathir-Pemandu

TUN MAHATHIR: TIADA PERSIAPAN KHUSUS UNTUK JADI "PEMANDU KHAS"

BANTING, 15 Jan (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak membuat sebarang persiapan khusus untuk menjadi "pemandu khas" kepada sembilan penderma terbanyak mangsa tsunami untuk mengelilingi Litar Antarabangsa Sepang (SIC) esok.

Katanya, beliau telah biasa memandu Porshe Cayenne milik anaknya Datuk Mokhzani.

"Kita seronok-seronok sahaja bawa kereta," katanya ketika ditemui semasa mengiringi isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali merasmikan Pusat Hemodialisis Felina di sini hari ini.

Dr Mahathir akan menjadi "pemandu khas" pada acara yang dinamakan "Perlumbaan Bersatu Bagi Kutipan Derma Untuk Tabung Mangsa Tsunami" yang diadakan sempena Sunday Track Day.

Dr Mahathir, yang diketahui sebagai pencinta kereta dan pemandu yang berupaya, berkata isterinya pasti tidak akan menjadi penumpang keretanya.

"Isteri saya tidak mahu. Dia takut saya bawa kereta. Bila saya bawa (kereta) sahaja, dia suruh pusing kiri, pusing kanan, kata ada kereta di belakang, brek," katanya berseloroh.

Beliau berkata tiada sebarang "rekod" akan beliau catatkan di litar lumba sepanjang 5.543 kilometer itu.

Ditanya sama ada beliau telah mengetahui penderma terbanyak yang akan beliau pandu, katanya: "Saya belum tahu lagi. Mungkin mereka dengar saya yang bawa (kereta), mereka tidak datang langsung."

Dr Mahathir yang kemudiannya diminta memberi ucapan kepada penuntut sekolah menengah dari sekitar Kuala Langat pada majlis itu menasihatkan golongan muda sebagai pewaris negara perlu mengekalkan keharmonian dan kestabilan dalam masyarakat majmuk serta mengamalkan nilai yang baik.

Katanya, dalam masyarakat berbilang kaum seperti di Malaysia, rakyat perlu membuat sedikit pengorbanan bagi menjamin keamanan negara.

"Kalau kita sanggup berkorban sikit semua kaum akan dapat hak masing-masing," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia perlu mengutamakan amalan yang baik seperti rajin bekerja, bertanggungjawab, berdaya saing dan sentiasa mahu melakukan yang terbaik jika tidak mahu ketinggalan.

Sementara itu, Pusat Hemodialisis Felina merupakan pusat rawatan kedua yang dibuka oleh Yayasan Emkay selepas Pusat Rawatan Hemodialisis Wan Nong di Bandar Batu Gajah, Perak.

Kos pembinaan dan peralatan di Pusat Rawatan Felina bernilai RM1.3 juta. Ia dilengkapi dengan 10 mesin dialisis dan berkeupayaan memberi rawatan kepada 40 orang.

Pengasas Yayasan Emkay Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar berkata pusat rawatan ketiga dirancang dibuka di Kedah.

Beliau berkata yayasan itu merancang membuka satu pusat rawatan hemodialisis setiap tahun dengan kos RM1.3 juta setiap satu.

Katanya, pejabat daerah dan pihak berkuasa tempatan boleh memainkan peranan untuk mengenal pasti tapak kawasan di luar bandar untuk dibangunkan pusat itu.

-- BERNAMA

LES RHM